

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2019**

**SOALAN NO. 33**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme penyelarasan data antara Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ke arah melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam melaksanakan fungsi pendaftaran pemilih sebagaimana yang dinyatakan dalam **Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan** adalah berpandukan kepada data warganegara di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tujuan pengesahan status warganegara dan maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir dan alamat. Perkongsian maklumat warganegara antara SPR dan JPN adalah melalui kemudahan *MyIdentity* yang disediakan oleh JPN.
2. Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan JPN melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.